ACMF

PIAWAIAN **BON SOSIAL** ASEAN

Dikeluarkan / Terbitan: Oktober 2018

KANDUNGAN

		Muka surat
Pengenalan		3
Definisi		6
1.0	Skop Piawaian Bon Sosial ASEAN	7
2.0	Objektif Piawaian Bon Sosial ASEAN	7
3.0	Kriteria bagi Bon Sosial ASEAN	7
4.0	Panduan ke atas Empat Komponen Teras Prinsip Bon Sosial	8
4.1	Penggunaan Hasil Kutipan	8
4.2	Proses bagi Penilaian dan Pemilihan Projek	10
4.3	Pengurusan Hasil Kutipan	11
4.4	Pelaporan	12
5.0	Semakan Luaran	12

PENGENALAN

Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF)[1] merupakan sebuah forum yang terdiri daripada pengawal selia pasaran modal dari negara-negara ASEAN yang tugas utamanya adalah untuk menggalakkan lebih integrasi dan keterhubungan dalam kalangan pasaran modal serantau.

Salah satu inisiatif utama ACMF adalah untuk membangunkan kelas aset sosial yang selaras dengan kepentingan pembiayaan sosial yang semakin meningkat di ASEAN. Untuk menyokong keperluan pembangunan lestari ASEAN, ACMF telah membangunkan *Piawaian Bon Sosial ASEAN* (ASEAN SBS) untuk melengkapkan *Piawaian Bon Hijau ASEAN* (ASEAN GBS) yang mula diperkenalkan pada November 2017. ASEAN SBS bertujuan untuk meningkatkan ketelusan, ketekalan dan keseragaman Bon Sosial ASEAN yang akan turut menyumbang kepada pembangunan kelas aset yang baru, mengurangkan kos ketekunan wajar dan membantu pelabur membuat keputusan pelaburan yang bermaklumat.

ASEAN SBS telah dibangunkan berdasarkan Prinsip Bon Sosial (SBP)[2] Persatuan Pasaran Modal Antarabangsa (ICMA)[3]. SBP dilancarkan buat kali pertama pada Jun 2017 sebagai garis panduan proses sukarela untuk digunakan secara umum oleh pasaran. SBP dan *Prinsip Bon Hijau* (GBP) merupakan satu set garis panduan sukarela yang dihuraikan oleh peserta pasaran utama di bawah kelolaan ICMA sebagai sekretariat, yang bertanggungjawab untuk memberi nasihat tentang tadbir urus dan hal-hal lain, serta menyediakan sokongan organisasi.

Walaupun SBP telah menyediakan prinsip umum bagi bon sosial, ASEAN SBS bertujuan untuk menyediakan panduan yang lebih khusus tentang penggunaan SBP di seluruh ASEAN bagi membolehkan bon sosial dilabel sebagai Bon Sosial ASEAN. Sehubungan ini, Penerbit yang ingin menerbit dan melabelkan bon sosial mereka sebagai Bon Sosial ASEAN hendaklah membuktikan pematuhan terhadap ASEAN SBS. Oleh itu, ASEAN SBS akan memberi kepastian kepada pelabur bahawa bon sosial yang dilabelkan sebagai Bon Sosial ASEAN telah memenuhi piawaian seragam di samping menyediakan panduan kepada Penerbit mengenai amalan pasaran terbaik bagi bon sosial.

---

1 Mengenai ACMF – http://www.theacmf.org/ACMF/webcontent.php?content_id=00001.
2 SBP-ICMA- https://www.icmagroup.org/assets/documents/Regulatory/Green-Bonds/June-2018/Social-Bond-Principles---June-2018-140618-WEB.pdf.
3 Mengenai ICMA – https://www.icmagroup.org/About-ICMA/.

Ciri-ciri tambahan utama ASEAN SBS

ASEAN SBS adalah sejajar dan berpandukan empat komponen teras SBP, iaitu penggunaan hasil kutipan, proses bagi penilaian dan pemilihan projek, pengurusan hasil kutipan dan pelaporan. Ciri-ciri tambahan utama ASEAN SBS termasuk:

- **Penerbit yang Layak**

  Bagi mewujudkan kelas aset sosial bagi rantau ASEAN, Penerbit atau penerbitan bon sosial mestilah mempunyai hubungan geografi atau ekonomi dengan rantau tersebut.

- **Projek Tidak Layak**

  Projek yang melibatkan aktiviti yang menimbulkan impak sosial yang negatif berkaitan dengan alkohol, perjudian, tembakau dan senjata adalah tidak termasuk dalam ASEAN SBS. Penerbit juga digalakkan untuk menyediakan senarai projek tidak layak tambahan untuk penerbitan Bon Sosial ASEAN mereka, jika berkenaan.

- **Akses Berterusan Kepada Maklumat**

  ASEAN SBS turut menggariskan cara bagaimana pelabur diberi akses terhadap maklumat secara berterusan dengan mengehendaki Penerbit menzahirkan maklumat mengenai penggunaan hasil kutipan, proses penilaian dan pemilihan projek, dan pengurusan hasil kutipan kepada pelabur dalam dokumen penerbitan, serta memastikan maklumat tersebut boleh diakses oleh orang awam melalui laman sesawang yang ditetapkan oleh Penerbit sepanjang tempoh Bon Sosial ASEAN.

- **Menggalakkan Pelaporan yang Lebih Kerap**

  Selain daripada laporan tahunan, Penerbit digalakkan untuk menyediakan pelaporan berkala yang lebih kerap. Ini akan meningkatkan ketelusan mengenai peruntukan hasil kutipan serta meningkatkan keyakinan pelabur terhadap Bon Sosial ASEAN.

- **Semakan Luaran**

  Selaras dengan SBP, pelantikan penyemak luar adalah secara sukarela di bawah ASEAN SBS. Namun begitu, memandangkan pembangunan pasaran bon sosial di ASEAN masih di peringkat permulaan, ASEAN SBS mengehendaki penyemak luar memiliki kepakaran dan pengalaman yang berkaitan dengan bidang yang disemak.

Bukti kelayakan penyemak luar dan skop semakan yang dijalankan hendaklah tersedia bagi diakses oleh orang awam melalui laman sesawang yang ditetapkan oleh Penerbit sepanjang tempoh Bon Sosial ASEAN. Penzahiran sedemikian akan membantu mewujudkan kesedaran dan meningkatkan keyakinan pelabur.

ASEAN SBS telah dibangunkan secara perundingan bersama ICMA dan pengawal selia pasaran modal serta peserta industri di rantau ASEAN. ASEAN SBS telah diperakui oleh ACMF dan akan dilaksanakan bagi penerbitan Bon Sosial ASEAN.

DEFINISI

Dalam piawaian ini, istilah di bawah mempunyai maksud berikut, melainkan konteks bermaksud selainnya:

ACMF	bermaksud Forum Pasaran Modal ASEAN.
ASEAN	bermaksud Persatuan Negara-negara Asia Tenggara.
ASEAN SBS	bermaksud *Piawaian Bon Sosial ASEAN* yang diguna pakai dan yang disemak dari semasa ke semasa.
Bon Sosial ASEAN	bermaksud bon dan sukuk, yang mematuhi ASEAN SBS, di mana hasil kutipan akan digunakan khusus untuk membiayai atau membiayai semula, secara sebahagian atau sepenuhnya Projek Sosial layak yang baharu dan/atau sedia ada. Bagi bon Islam atau sukuk, ia juga hendaklah mematuhi undang-undang dan keperluan berkaitan yang terpakai bagi penerbitan bon Islam atau sukuk. Dalam kes tersebut, bon Islam atau sukuk boleh dilabelkan sebagai Sukuk Sosial ASEAN.
Penerbit ASEAN	bermaksud Penerbit yang diperbadankan di mana-mana negara ASEAN.
Penerbit bukan ASEAN	bermaksud Penerbit selain daripada Penerbit ASEAN.
SBP	bermaksud "Prinsip Bon Sosial" yang merupakan garis panduan proses sukarela yang diterbitkan oleh ICMA, yang disemak dari semasa ke semasa, yang menyarankan ketelusan dan penzahiran, serta menggalakkan integriti dalam pembangunan pasaran bon sosial.
Projek Sosial	bermaksud kategori umum bagi Projek Sosial layak sebagaimana yang tersenarai dalam ASEAN SBS. Senarai Projek Sosial layak ini bukanlah senarai yang menyeluruh.
Penerbit	bermaksud syarikat yang menerbitkan Bon Sosial ASEAN, termasuklah Penerbit ASEAN dan Penerbit Bukan ASEAN.

1. SKOP ASEAN SBS

1.1. ASEAN SBS akan diguna pakai bagi penerbitan Bon Sosial ASEAN.

1.2. ASEAN SBS adalah sejajar dengan SBP. Sebarang panduan yang dikeluarkan oleh ICMA berkenaan SBP hendaklah juga dipertimbangkan, sekiranya relevan.

1.3. Adalah difahamkan bahawa sesetengah Projek Sosial mungkin mempunyai manfaat alam sekitar secara bersama, dan pengelasan bon melalui penggunaan hasil kutipan sebagai Bon Sosial ASEAN hendaklah ditentukan oleh Penerbit berdasarkan objektif utama bagi projek pendasarnya. Bon yang menggabungkan Projek Hijau dan Sosial berdasarkan ASEAN GBS dan ASEAN SBS dirujuk sebagai Bon Lestari ASEAN, dan panduan khusus baginya disediakan secara berasingan di dalam Piawaian Bon Lestari ASEAN.

2. OBJEKTIF ASEAN SBS

ASEAN SBS bertujuan untuk menyediakan panduan tambahan kepada penggunaan SBP serta meningkatkan ketelusan, ketekalan dan keseragaman Bon Sosial ASEAN.

3. KRITERIA BAGI BON SOSIAL ASEAN

3.1 Penerbit

(i) Mestilah merupakan Penerbit ASEAN; atau

(ii) Sekiranya Penerbit bukan ASEAN, Projek Sosial yang layak hendaklah bertempat di dalam mana-mana negara ASEAN.

3.2 Penerbitan

Penerbitan Bon Sosial ASEAN hendaklah berasal dari mana-mana negara anggota ASEAN.

4. PANDUAN KE ATAS EMPAT KOMPONEN TERAS SBP

4.1. Penggunaan Hasil Kutipan

4.1.1 Penggunaan hasil kutipan daripada Bon Sosial ASEAN hendaklah diterangkan dalam dokumen bagi penerbitan Bon Sosial ASEAN.

4.1.2 Berhubung dengan 4.1.1, Penerbit hendaklah menzahirkan maklumat berikut:

(i) Kategori Projek Sosial yang layak yang mana hasil kutipan Bon Sosial ASEAN akan diperuntukkan; dan/atau

(ii) Maklumat mengenai Projek Sosial tertentu sekiranya Penerbit telah mengenal pasti Projek Sosial tertentu yang mana hasil kutipan Bon Sosial ASEAN akan diperuntukkan.

4.1.3 Semua Projek Sosial yang ditetapkan hendaklah memberikan manfaat sosial yang jelas, yang akan dinilai, dan sekiranya sesuai, dinyatakan kuantitinya oleh Penerbit.

4.1.4 Sekiranya kesemua atau sebahagian daripada hasil kutipan digunakan atau mungkin digunakan untuk pembiayaan semula, Penerbit disarankan untuk menyediakan anggaran bahagian pembiayaan dan pembiayaan semula tersebut, dan sekiranya perlu, turut menjelaskan pelaburan atau portfolio projek yang mungkin dibiayai semula dan, jika relevan, jangkaan tempoh semak semula (*look-back period*) bagi Projek Sosial yang dibiayai semula. "Tempoh semak semula" merujuk kepada tempoh maksimum pada masa lalu yang akan disemak semula oleh Penerbit untuk mengenal pasti aset/pembayaran awal kepada Projek Sosial layak tersebut yang akan dinyatakan di dalam pelaporan bon sosial.

4.1.5 Projek Sosial secara langsung bermatlamat untuk membantu menangani atau mengurangkan isu sosial yang khusus dan/atau berusaha untuk mencapai hasil sosial yang positif, terutamanya, tetapi tidak secara eksklusif, bagi populasi sasaran. Sila rujuk contoh-contoh ilustrasi di bawah bagi kategori Projek Sosial dalam Perenggan 4.1.6 yang bertujuan untuk mencapai hasil sosioekonomi yang positif bagi populasi sasaran.

4.1.6 Senarai kategori projek berikut, meskipun hanya sebagai petunjuk, merangkumi jenis projek yang paling biasa digunakan, yang disokong atau dijangka akan disokong oleh pasaran bon sosial. Projek Sosial termasuk perbelanjaan berkaitan dan sokongan lain seperti penyelidikan dan pembangunan berkaitan dengan kategori Projek Sosial berkenaan, dan mungkin berkait dengan lebih daripada satu kategori. Kategori tersebut, yang disenaraikan tanpa mengikut susunan khusus, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, menyedia dan/atau menggalakkan:

(i) Infrastruktur asas yang mampu milik (cth. air minuman bersih, pembetungan, sanitasi, pengangkutan, tenaga);

(ii) Akses kepada perkhidmatan asas (cth. kesihatan, pendidikan dan latihan vokasional, penjagaan kesihatan, telekomunikasi, pembiayaan dan perkhidmatan kewangan);

(iii) Perumahan mampu milik (cth. pembinaan, pengubahsuaian dan penyelenggaraan, peruntukan pinjaman perumahan, pembangunan dan peruntukan perumahan sewa);

(iv) Pewujudan pekerjaan (cth. pembiayaan PKS, pembiayaan mikro, pembangunan kemahiran untuk pengambilan kerja dan keusahawanan);

(v) Keselamatan makanan (cth. kelestarian perladangan dan perikanan, kredit dan insurans pertanian, inovasi hasil tanaman, pembangunan infrastruktur bagi pertanian dan akuakultur);

(vi) Peningkatan dan pemerkasaan sosioekonomi (cth. skim pembiayaan bersasar seperti pinjaman kepada perniagaan milik wanita; perkhidmatan sokongan sosial seperti rehabilitasi, kaunseling dan program integrasi; pembangunan pusat dan kemudahan komuniti).

4.1.7 Untuk lebih jelas, projek yang melibatkan aktiviti yang memberi impak sosial yang negatif berkaitan dengan alkohol, perjudian, tembakau dan senjata adalah dikecualikan daripada ASEAN SBS. Penerbit juga digalakkan untuk menyediakan senarai projek tidak layak tambahan bagi penerbitan Bon Sosial ASEAN mereka, jika berkenaan.

4.1.8 Contoh populasi sasaran termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

(i) Mereka yang hidup di bawah garis kemiskinan;

(ii) Populasi dan/atau komuniti yang terpinggir dan/atau ketinggalan;

(iii) Kumpulan rentan, termasuk akibat daripada bencana alam;

(iv) Penganggur;

(v) Mereka yang kehilangan upaya;

(vi) Penghijrah dan/atau orang yang tersisih;

(vii) Mereka yang tidak berpendidikan tinggi; dan

(viii) Mereka yang terabai, disebabkan kekurangan akses berkualiti kepada barangan dan perkhidmatan asas.

4.1.9 Perlu dinyatakan bahawa definisi populasi sasaran mungkin berbeza menurut negara di ASEAN, dan dalam sesetengah keadaan, populasi sasaran tersebut mungkin boleh mendapat manfaat daripada projek-projek yang ditujukan kepada khalayak umum.

4.2 Proses bagi Penilaian dan Pemilihan Projek

4.2.1 Penerbit Bon Sosial ASEAN hendaklah memaklumkan dengan jelas kepada para pelabur mengenai:

(i) Objektif sosial;

(ii) Proses Penerbit menentukan cara projek tersebut menepati kategori Projek Sosial layak yang dikenal pasti di atas; dan

(iii) Kriteria kelayakan berkaitan, termasuk, jika berkenaan, kriteria yang dikecualikan atau mana-mana proses lain yang diguna pakai untuk mengenal pasti dan menguruskan potensi risiko sosial dan alam sekitar yang signifikan berkaitan dengan Projek Sosial.

4.2.2 Penerbit mesti membangunkan proses bagi penilaian dan pemilihan projek sebelum penerbitan Bon Sosial ASEAN dan memaklumkan proses tersebut kepada pelabur di dalam dokumentasi bagi penerbitan Bon Sosial ASEAN.

4.2.3 Penerbit digalakkan untuk menyatakan maklumat ini dalam konteks objektif, strategi, dasar dan/atau proses menyeluruh yang berkaitan dengan kelestarian sosial. Penerbit juga digalakkan untuk menzahirkan sebarang piawaian atau perakuan sosial yang dirujuk dalam pemilihan projek.

4.2.4 Adalah disarankan agar proses Penerbit bagi penilaian dan pemilihan projek disokong dengan semakan luaran.

4.2.5 Penerbit hendaklah menyediakan maklumat berikut kepada orang awam di laman sesawang yang ditetapkan oleh Penerbit pada waktu penerbitan dan sepanjang tempoh Bon Sosial ASEAN:

(i) Proses bagi penilaian projek;

(ii) Penggunaan hasil kutipan; dan

(iii) Laporan semakan luaran ke atas proses (jika ada).

4.3 Pengurusan Hasil Kutipan

4.3.1 Sebelum penerbitan Bon Sosial ASEAN, Penerbit hendaklah menzahirkan proses pengurusan hasil kutipan bersih daripada Bon Sosial ASEAN kepada pelabur di dalam dokumentasi bagi penerbitan Bon Sosial ASEAN.

4.3.2 Hasil kutipan bersih Bon Sosial ASEAN, atau satu jumlah yang bersamaan dengan hasil kutipan bersih tersebut, hendaklah dikreditkan ke dalam akaun sampingan, dialihkan kepada portfolio sampingan atau sebaliknya hendaklah dipantau oleh Penerbit dengan cara yang sewajarnya dan disokong oleh proses dalaman rasmi yang berkaitan dengan operasi pinjaman dan pelaburan Penerbit bagi Projek Sosial. Jumlah amaun yang digunakan daripada hasil kutipan bersih bagi Projek Sosial layak tidak perlu berlaku secara serentak.

4.3.3 Selagi Bon Sosial ASEAN masih belum ditebus, baki hasil kutipan bersih yang dipantau hendaklah dilaraskan secara berkala untuk memadankan peruntukan kepada Projek Sosial layak yang dibuat semasa tempoh tersebut.

4.3.4 Penerbit juga hendaklah memaklumkan kepada pelabur jenis penempatan sementara yang dicadangkan bagi baki hasil kutipan bersih yang tidak diperuntukkan di dalam dokumentasi bagi penerbitan Bon Sosial ASEAN.

4.3.5 Adalah disarankan agar pengurusan hasil kutipan Penerbit disokong dengan penggunaan juruaudit atau pihak ketiga lain, untuk mengesahkan kaedah pemantauan dalaman dan peruntukan dana daripada hasil kutipan Bon Sosial ASEAN.

4.3.6 Sekiranya Penerbit melantik juruaudit atau pihak ketiga lain untuk mengesahkan pengurusan hasil kutipan Penerbit, Penerbit hendaklah memastikan laporan yang dikeluarkan oleh juruaudit atau pihak ketiga lain tersebut tersedia kepada orang awam di laman sesawang yang ditetapkan oleh Penerbit ketika penerbitan Bon Sosial ASEAN.

4.4. Pelaporan

4.4.1 Penerbit hendaklah melaporkan kepada pelabur sekurang-kurangnya sekali dalam setahun dan digalakkan untuk melaporkan dengan lebih kerap mengenai penggunaan hasil kutipan sehingga peruntukan penuh dibuat, dan sekiranya terdapat perkembangan yang signifikan, ia hendaklah dikemas kini tepat pada masanya. Laporan tahunan tersebut hendaklah termasuk senarai projek yang telah diperuntukkan hasil kutipan Bon Sosial ASEAN, serta penerangan ringkas tentang projek dan amaun yang diperuntukkan, dan impak yang dijangkakan daripadanya.

4.4.2 Sekiranya persetujuan kerahsiaan, pertimbangan daya saing, atau projek pendasar yang banyak mengehadkan amaun perincian yang boleh disediakan, Penerbit boleh membentangkan maklumat dalam istilah umum atau atas asas portfolio yang diagregat (sebagai contoh peratusan yang diperuntukkan kepada kategori projek tertentu).

4.4.3 Adalah disarankan agar Penerbit menggunakan petunjuk prestasi kualitatif, dan sekiranya sesuai, pengukur prestasi kuantitatif (cth. bilangan benefisiari, pengurangan dalam pengangguran, peningkatan bilangan pengguna pengangkutan awam, peningkatan tahap literasi, peningkatan dalam jangka hayat dll.) dan penzahiran tentang metodologi pendasar utama dan/atau andaian yang digunakan dalam penentuan kuantitatif.

4.4.4 Adalah disarankan agar pelaporan tahunan Penerbit ke atas penggunaan hasil kutipan disokong oleh pengesahan mengenai penggunaan hasil kutipan oleh penyemak luar berserta sebarang semakan luaran berkaitan yang telah dikemas kini.

4.4.5 Pelaporan tahunan dan semakan luar ke atas pelaporan tahunan tersebut, jika ada, hendaklah disediakan oleh Penerbit kepada pelabur melalui laman sesawang yang ditetapkan oleh Penerbit dan/atau laporan tahunan sepanjang tempoh Bon Sosial ASEAN.

5.0 SEMAKAN LUARAN

5.1 Penerbit disarankan agar melantik penyedia semakan luaran bagi penerbitan atau program Bon Sosial ASEAN mereka.

5.2 Semakan luaran boleh dibuat secara sebahagian, merangkumi hanya beberapa aspek daripada rangka kerja Bon Sosial ASEAN Penerbit ataupun secara menyeluruh, dengan menilai kesejajaran dengan kesemua empat komponen teras seperti yang dinyatakan di dalam ASEAN SBS.

5.3 Penyedia semakan luaran mestilah memiliki kepakaran dan pengalaman yang berkaitan dalam komponen Bon Sosial ASEAN yang disemak.

5.4 Penyedia semakan luaran juga hendaklah menzahirkan kelayakan dan kepakaran yang berkaitan, serta skop semakan yang dijalankan dalam laporan semakan luaran.

5.5 Terdapat pelbagai kaedah untuk Penerbit dalam memperoleh input luar bagi merangka proses Bon Sosial ASEAN mereka dan terdapat beberapa tahap dan jenis semakan yang boleh dilaksanakan. Penerbit boleh mendapatkan nasihat daripada perunding dan/atau institusi dengan kepakaran yang diiktiraf dalam isu sosial atau aspek lain dalam penerbitan Bon Sosial ASEAN. Ia boleh merangkumi bidang seperti pembangunan rangka kerja Bon Sosial ASEAN Penerbit atau pelaporan Bon Sosial ASEAN Penerbit. Perkhidmatan perundingan atau khidmat nasihat melibatkan kerjasama dengan Penerbit dan berbeza daripada semakan luar yang bebas. ASEAN SBS menggalakkan semakan bebas ke atas ciri-ciri sosial bagi (jenis) aset atau aktiviti berkaitan dengan Bon Sosial ASEAN atau program Bon Sosial ASEAN, yang mana berkenaan.

5.6 Semakan luaran bebas mungkin berbeza dari segi skop dan boleh merangkumi rangka kerja/program Bon Sosial ASEAN, terbitan Bon Sosial ASEAN individu, aset pendasar dan/atau prosedur-prosedur. Ia dikelaskan kepada jenis berikut, dengan sesetengah penyedia menawarkan lebih daripada satu jenis perkhidmatan, sama ada secara berasingan atau bersama:

(i) Pendapat Pihak Kedua

Sebuah institusi dengan kepakaran sosial yang bebas daripada Penerbit boleh memberikan Pendapat Pihak Kedua. Institusi tersebut mestilah bebas daripada penasihat yang digunakan oleh Penerbit untuk rangka kerja Bon Sosial ASEAN, atau prosedur sewajarnya, seperti sekatan maklumat, telahpun dilaksanakan di dalam institusi tersebut bagi memastikan Pendapat Pihak Kedua yang bebas. Pada kebiasaannya, ia melibatkan penilaian ke atas kesejajaran dengan ASEAN SBS. Secara khususnya, ia boleh merangkumi penilaian ke atas objektif, strategi, dasar dan/atau proses menyeluruh dengan kelestarian sosial Penerbit, dan penilaian ciri-ciri sosial bagi jenis projek yang dihasratkan bagi penggunaan hasil kutipan.

(ii) Pengesahan

Penerbit boleh memperoleh pengesahan bebas terhadap set kriteria yang ditetapkan, biasanya berkaitan dengan proses perniagaan dan/atau kriteria sosial. Pengesahan juga boleh memberi tumpuan kepada kesejajaran dengan piawaian dalaman atau luaran atau dakwaan yang dibuat oleh Penerbit. Di samping itu, penilaian ke atas ciri-ciri kelestarian sosial terhadap aset pendasar juga boleh dianggap sebagai pengesahan dan boleh merujuk kriteria luaran. Jaminan atau penyaksian berhubung kaedah pemantauan dalaman Penerbit bagi penggunaan hasil kutipan, peruntukan dana daripada hasil kutipan Bon Sosial ASEAN, penyata impak sosial atau kesejajaran pelaporan dengan ASEAN SBS, juga boleh dianggap sebagai pengesahan.

(iii) Perakuan

Penerbit boleh memohon agar Bon Sosial ASEAN atau rangka kerja Bon Sosial ASEAN berkaitan atau penggunaan hasil kutipan diperakui menurut piawaian atau label sosial luaran yang diiktiraf. Piawaian

atau label mentakrifkan kriteria yang khusus, dan kesejajaran dengan kriteria tersebut biasanya diuji oleh pihak ketiga yang layak dan bertauliah, yang mengesahkan ketekalan dengan kriteria perakuan tersebut.

(iv) Penskoran/Penarafan Bon Sosial

Penerbit boleh memohon agar Bon Sosial ASEANnya, rangka kerja Bon Sosial ASEAN berkaitan atau ciri utama seperti penggunaan hasil kutipan dinilai oleh pihak ketiga yang berkelayakan, seperti penyedia penyelidikan khusus atau agensi penarafan, menurut metodologi penskoran/penarafan yang telah diiktiraf. Hasilnya mungkin merangkumi fokus terhadap data prestasi sosial, proses yang berkaitan dengan ASEAN SBS, atau penanda aras lain. Meskipun penskoran/penarafan tersebut berbeza daripada penarafan kredit, ia boleh mencerminkan risiko sosial yang signifikan.